

Menstruktur semula sistem cukai

SEGALA teka-teki dan persoalan mengenai Bajet 2014 telah terjawab dengan pembentangan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abd Razak pada Jumaat lepas. Beliau yang juga Menteri Kewangan berpegang kepada asas "Memperteguh ketahanan ekonomi, memperkasa transformasi dan melaksana janji". Bajet ini antara yang terpenting dalam sejarah ekonomi negara dalam usaha kerajaan mengurangkan stok hutang kerajaan yang pada masa ini berada pada paras tertinggi iaitu RM541.3 billion pada akhir tahun 2013 (iaitu 54.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)).

Cabaran yang dihadapi amat berat, kerana di samping matlamat untuk mengurangkan defisit, sama ada melalui pengurangan perbelanjaan mahupun penambahan jumlah hasil kerajaan, kerajaan juga perlu memastikan sebarang polisi yang akan dilaksanakan tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi semasa mahupun di masa hadapan. Selain daripada itu, langkah mengukuhkan kedudukan fiskal adalah penting untuk mengekalkan daya tahan ekonomi serta meningkatkan lagi keyakinan rakyat dan pelabur. Ini kerana pertumbuhan ekonomi negara juga berkait rapat dengan kemampuan membayar balik pinjaman (hutang sedia ada) di masa hadapan.

Kini, semuanya sudah terjawab, dan realiti tersebut perlu diterima dan dilaksanakan bagi meneruskan kesinambungan pertumbuhan dan kestabilan ekonomi Malaysia bagi tempoh jangka sederhana dan panjang. Mengambil kira senario ekonomi global pada masa kini, ekonomi Malaysia diunjur berkembang lebih kukuh pada kadar 5 hingga 5.5 peratus bagi tahun berakhir 2014. Bajet 2014, mensasarkan penurunan defisit kerajaan persekutuan kepada 3.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding empat peratus pada tahun 2013.

Bajet 2014 menyaksikan beberapa kadar cukai diselarasakan semula, pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dan rasionalisasi subsidi bagi pengagihan semula sumber kepada sektor ekonomi yang mampu menjana nilai tambah berganda (*multiplier effect*) kepada ekonomi negara. Bajet kali ini juga merupakan satu transformasi besar-besaran dalam mengukuhkan kedudukan kewangan negara. Selaras dengan 12 bidang Ekonomi Utama Negara, sektor pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan keselamatan dan pertahanan awam merupakan antara sektor yang menerima peruntukan tertinggi dalam



Oleh
**Siti Nurazira
Mohd Daud**

“
Usaha kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan menerusi rasionalisasi subsidi secara berperingkat merupakan usaha memastikan kestabilan ekonomi jangka panjang tanpa mengabaikan kebajikan rakyat



KESEMUA barangan keperluan asas tidak akan dikenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan berkuatkuasa 17 bulan akan datang. - Gambar hiasan

bajet pada kali ini.

Bagi mengimbangi kesan pengenalan GST dan rasionalisasi subsidi, sebagai kerajaan yang prihatin kepada keperluan dan kebajikan rakyat, satu pakej rangsangan ekonomi yang meliputi beberapa insentif dirangka bagi membantu golongan sasaran terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup rakyat yang semakin mencabar. Berdasarkan Bajet 2014, perbelanjaan kerajaan bagi tahun 2014 dijangka meliputi RM217.7 billion bagi perbelanjaan mengurus manakala RM46.5 billion bagi perbelanjaan pembangunan. Dengan jangkakan hasil pendapatan sebanyak RM224.1 billion, Malaysia dijangka mencatatkan defisit fiskal sebanyak RM40.1 billion.

Mengekang

Walaupun pengenalan kepada GST merupakan satu langkah yang kurang popular yang dilaksanakan oleh kerajaan, namun ia dilihat sebagai usaha bersepadu dalam menyusun semula lanskap sistem kewangan negara seterusnya memperkasakan komponen kutipan hasil cukai. Ini kerana pengenalan kepada GST adalah sangat kritikal bagi memastikan pengurangan defisit fiskal serta mengekang peningkatan paras keperluan kerajaan persekutuan. Dalam masa yang sama, pengenalan GST juga membantu dalam mewujudkan lebih akaun fiskal untuk menyokong pelbagai kegiatan ekonomi negara pada masa depan. Penambahan hasil bagi kerajaan membolehkan program kebajikan masyarakat dapat diteruskan dengan lebih meluas. Cukai yang berasaskan

nilai tambah dalam proses pengeluaran ini sudah lama dilaksanakan di kebanyakan negara di dunia termasuk ASEAN, negara maju serta negara pengeluar minyak.

Negara yang terawal melaksanakan GST adalah Perancis yang mula melaksanakannya pada tahun 1954. Antara kelebihan dalam pelaksanaan GST, amalan memindahkan kos ke luar negara bagi mengelak dan mengurangkan bayaran cukai dapat dikekang kerana semua rekod (dalam rantaian perniagaan) akan disimpan pada setiap peringkat dalam proses pengeluaran.

Selain itu, GST ini menyaksikan golongan pendapatan tinggi akan membayar berasaskan jumlah penggunaan barangan dan perkhidmatan tertentu. Bajet ini menyenaraikan senarai barang yang tidak akan dikenakan GST. Barangan makanan asas, perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan pengangkutan, jual beli dan sewaan rumah kediaman dan perkhidmatan kewangan, antara barangan yang diberi pertimbangkan dengan kadar sifar GST (*zero-rated* atau *exempted supplied*). Berdasarkan satu kajian yang dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Negara, dengan andaian kadar GST ditetapkan pada 4 peratus, didapati Indeks Harga Pengguna (IHP) akan mengalami penurunan sebanyak 0.10 peratus.

Pelaksanaan GST juga didapati mampu mengurangkan harga bagi lapan komponen IHP iaitu, pelbagai barang dan perkhidmatan, restoran dan hotel, pengangkutan, hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan,

perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api, pakaian dan kasut serta minuman alkohol dan tembakau. Justeru, kadar enam peratus GST dijangka tidak akan mengakibatkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang membebankan rakyat.

Sebenarnya, pelaksanaan GST memberikan beberapa kelebihan penting dalam usaha memperkasakan komponen pendapatan kerajaan melalui pengagihan semula sumber ke dalam ekonomi. Lebih 160 buah negara di dunia telah melaksanakan GST termasuk negara maju mahupun negara yang berpendapatan rendah. Negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand telah melaksanakan GST sejak tahun 1984 dan 1992 dengan kadar permulaan 10 peratus. Perlu diperjelaskan bahawa, pelaksanaan GST bukan tambahan cukai yang baru, ia sebenarnya menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan yang sedia ada yang menjadi amalan sebelum ini. Melalui bajet yang diumumkan, GST akan mula dilaksanakan berkuatkuasa pada 1 April 2015.

Namun begitu ditambahkannya bagi sistem GST boleh dilaksanakan dengan penentuan kadar *threshold* aliran pusingan tahunan (*annual turnover*) bagi sesebuah syarikat yang perlu didaftarkan dan dikenakan GST. Langkah ini penting dalam membantu pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (IKS) untuk terus bersaing dengan syarikat-syarikat besar lain. Mengambil contoh negara Singapura yang mula melaksanakan GST pada 1994, menetapkan kadar *threshold* sebanyak S\$1 juta yang mana secara tidak langsung memberi kelebihan bagi syarikat-syarikat kecil dan sederhana untuk bersaing dalam industri berkaitan.

Selain daripada itu pelarasan kepada cukai langsung juga diumumkan dalam bajet 2014. Cukai pendapatan individu pula dikurangkan kepada satu mata hingga tiga mata peratusan di samping struktur cukai pendapatan individu akan disusun semula bagi menarik bakat serta tenaga mahir dalam negara. Manakala cukai pendapatan syarikat dikurangkan satu mata peratusan daripada 25 peratus kepada 24 peratus. Bagi melindungi syarikat kecil dan sederhana, cukai pendapatan dikurangkan satu mata peratusan iaitu kepada 19 peratus. Pelarasan struktur cukai pendapatan individu juga dilaksanakan bagi membantu mengurangkan bebanan rakyat.

Secara umumnya, penstrukturkan semula sistem percukaian menyaksikan pengenalan hanya satu cukai baru (GST) menggantikan dua cukai lain, pengurangan satu mata peratusan bagi cukai langsung, serta pelarasan struktur cukai pendapatan individu yang lebih progresif, merupakan satu transformasi

penting dalam mengagihkan semula pendapatan dan sumber kerajaan.

Rasionalisasi subsidi

Usaha kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan mengurusi bagi komponen subsidi telah bermula melalui rasionalisasi subsidi produk petroleum sebanyak 20 sen pada 3 September 2013. Seperti yang dijangka, kerajaan memansuhkan subsidi gula sebanyak 34 sen berkuatkuasa 26 Oktober 2013. Bukan meniadakan kepentingan bantuan subsidi dalam mengatasi isu kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa kini, Bajet 2014 menyaksikan penstrukturkan semula kaedah pengagihan subsidi dalam ekonomi negara.

Ini bagi memastikan subsidi diterima oleh golongan yang benar-benar memerlukan. Pada masa kini, semua golongan dapat menikmati subsidi tidak kira golongan berpendapatan rendah, warga asing mahupun golongan yang berpendapatan tinggi. Namun begitu, kerajaan sudah tidak mampu untuk menampung jumlah subsidi yang meningkat sejajar dengan perkembangan semasa. Malahan subsidi ini, ditampung pula melalui pinjaman daripada pelbagai sumber. Jika keadaan keberhutangan ini berterusan dan semakin meningkat, yang mana pada masa kini jumlah keberhutangan kerajaan adalah melebihi paras optimal 55 peratus daripada KDNK, Malaysia akan berkemungkinan terperangkap dalam situasi keberhutangan yang terlalu tinggi dan meningkatkan risiko kebankrapan atau mufsis selain menyebabkan kemuncupan ekonomi di masa hadapan.

Pada perkembangan yang berbeza, penarafan kredit yang sebelum ini mengeluarkan *outlook* negatif serta indikasi penurunan penarafan kredit Malaysia bagi dua tahun akan datang, dilihat mampu mempengaruhi keyakinan pelabur dalam menilai keputusan pelaburan ke Malaysia. Justeru usaha kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan menerusi rasionalisasi subsidi secara berperingkat merupakan usaha memastikan kestabilan ekonomi jangka panjang tanpa mengabaikan kebajikan rakyat melalui pakej rangsangan ekonomi yang telah dirangka dalam Bajet 2014. Pakej ini dilihat satu jaringan keselamatan (*social safety net*) yang bakal dilaksanakan dalam usaha mengimbangi rasionalisasi subsidi dan peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat.

● Penulis ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.